

**Abdul Hadi Belum Sedia Beri Kenyataan Isu MB Selangor**  
**Bernama**  
**August 12, 2014**

KUALA TERENGGANU, 12 Ogos (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang belum berhasrat untuk membuat sebarang kenyataan berhubung isu Menteri Besar Selangor, sehingga beliau menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Ahad ini.

Demikian menurut Setiausaha Khas kepada Presiden PAS Zaihan Mohd Daud dalam satu kenyataan kepada media hari Selasa.

Lewat petang semalam, Abdul Hadi mengadakan pertemuan sulit dengan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sebuah hotel dekat Kuala Ibai di sini.

Ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Anwar menyifatkan pertemuan itu sebagai berjaya membawa perkembangan positif.

Usaha media mendapatkan kenyataan daripada Abdul Hadi berhubung pertemuan itu bagaimanapun masih tidak berjaya sehingga kini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059883>